



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 2 - () 03/05

Penjelasan berhubung persoalan dan isu yang dibangkitkan oleh Peguam Datuk Abu Backer Sidek yang telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan penggunaan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) atas alasan salah guna kuasa terhadap aset kerajaan yang telah dilaporkan dalam laman sesawang MalaysiaGazette.com pada 28 Mei 2018.

1. Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Affendi Buang selaku Panglima Tentera Udara telah menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan di Majlis Berbuka Puasa dan juga perjumpaan bersama warga TUDM di Pangkalan Udara Butterworth. Majlis ini adalah merupakan program rasmi tahunan TUDM dan adalah perjumpaan pertama anggota TUDM bersama Menteri Pertahanan. Majlis berbuka Puasa Bersama Menteri Pertahanan juga akan diadakan oleh Tentera Darat dan Tentera Laut Diraja Malaysia dalam masa terdekat.
2. Pada hari penerbangan pesawat pengangkut TUDM A400M membawa delegasi Menteri Pertahanan dan pegawai-pegawai kanan ATM ke Butterworth, penerbangan pesawat tersebut juga digunakan bagi memberi manfaat dan melengkapkan jam penerbangan (*flying hours*) juruterbang TUDM yang membawa pesawat berkenaan. Ini kerana setiap juruterbang perlu melengkapkan jumlah jam penerbangan bagi mengekalkan tahap kompetensi mereka. Sehubungan itu, pergerakan berkenaan juga dapat menjimatkan kos pengangkutan berbanding menggunakan pesawat komersial dari aspek masa dan kos penerbangan oleh Kementerian Pertahanan bagi kedua-dua tujuan yang dinyatakan.
3. Kehadiran Menteri Pertahanan mengikuti penerbangan dengan pesawat A400M juga bertujuan memberi pendedahan berkenaan keupayaan, prestasi, kredibiliti dan kemampuan pesawat A400M, pesawat pengangkut pelbagai guna dalam menjalankan pelbagai operasi ketenteraan disamping mengekalkan tahap kesiagaan Angkatan Tentera Malaysia. Warga TUDM khususnya dan ATM amnya amat terharu dan gembira diatas kesudian Menteri Pertahanan meluangkan masa menghadiri program-program yang dilaksanakan di peringkat perkhidmatan.

-Tamat-

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

Kementerian Pertahanan Malaysia
30 Mei 2018